



Peluang keemasan Lexis di MATTA Fair 2026

Diskaun hingga 32%, tiada surcaj dan peluang menang emas tulen



Lexis Hotel Group (Lexis) tampil dengan tawaran istimewa sempena MATTA Fair 2026 sekali gus membuka peluang kepada rakyat Malaysia merancang percutian premium pada harga lebih berbaloi.

Sepanjang tiga hari pameran dari 3 hingga 5 April ini di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), pengunjung boleh mendapatkan baucar penginapan dengan penjimatan sehingga 32 peratus (%) bagi rangkaian hotel dan resort Lexis di Port Dickson, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Melalui kempen Book More, Save More, Win More Gold, Lexis bukan sahaja menawarkan harga istimewa, malah memberi fleksibiliti tanpa surcaj bagi semua tarikh penginapan.

Ini membolehkan pelancong merancang percutian mengikut kesesuaian masa tanpa kos tambahan.

Presidennya, Datuk Mandy Chew Siok Cheng berkata, tawaran tersebut merupakan antara yang terbaik pernah diperkenalkan kumpulan itu dalam usaha merancakkan sektor pelancongan domestik.

"Tawaran ini memberikan nilai yang sangat berbaloi sambil membolehkan rakyat Malaysia menikmati percutian yang amat diperlukan," katanya menerusi satu kenyataan.

Baucar sah setahun, harga bersih serendah RM200

Promosi MATTA Fair kali ini menawarkan baucar bilik sah selama 12 bulan dari tarikh pembelian, memberikan masa mencukupi kepada pembeli untuk merancang percutian.

Harga bersih bermula serendah RM200 bagi penginapan satu malam untuk dua orang, lengkap dengan kemudahan bilik standard hotel Lexis.

Antara tawaran utama termasuk penginapan di Imperial Lexis Kuala Lumpur, Lexis Hibiscus Port Dickson, Grand Lexis Port Dickson dan Lexis Suites Penang dengan pilihan bilik seperti pool villa dan suite premium.

Tetamu juga boleh menambah sarapan pada kadar RM40 seorang.

Menang emas dan hadiah bernilai RM20,000

Lebih menarik, setiap pembelian baucar membuka peluang kepada pengunjung untuk menyertai pelbagai kempen ganjaran termasuk Cabaran Slogan Emas, Cabaran Detik Emas dan Cabaran Percutian Emas.

Hadiah yang ditawarkan termasuk tiga jongkong emas 999/24K, penginapan percuma serta hadiah eksklusif dengan nilai keseluruhan melebihi RM20,000.

Konsepnya mudah, pembeli baucar boleh melengkapkan slogan, membuat paparan di sosial media

atau dengan lebih banyak baucar dibeli, lebih tinggi peluang untuk menang.

Selain itu, pembelian lebih daripada satu baucar turut melayakkan pengunjung menerima plushie Lexis secara percuma, tertakluk kepada ketersediaan stok.

Tawaran terhad, permintaan dijangka tinggi

Dengan kombinasi diskaun besar, fleksibiliti tempahan dan peluang memenangi emas, tawaran ini dijangka menjadi antara tarikan utama MATTA Fair tahun ini.

Pengunjung disaran mendapatkan baucar lebih awal bagi mengelakkan kekecewaan.

Secara keseluruhan, inisiatif Lexis ini bukan sahaja menawarkan nilai percutian yang kompetitif, malah menyuntik semula minat pelancongan domestik dalam kalangan rakyat Malaysia.

Tawaran Eksklusif MATTA Fair 2026

Nikmati percutian mewah dengan harga istimewa! Semua baucar bilik dengan harga bersih untuk dua orang

Imperial Lexis Kuala Lumpur

- Bilik: Premium Pool Suite
- Harga: RM880

Lexis Hibiscus, Port Dickson

- Bilik: Sky Pool Villa – RM580
- Bilik: Premium Pool Villa – RM680

Grand Lexis, Port Dickson

- Bilik: Deluxe Suite – RM480
- Bilik: Sky Pool Villa – RM480
- Bilik: Premium Pool Villa – RM580

Lexis Suites, Penang

- Bilik: Premium Pool Suite – RM380



Lexis Port Dickson

- Bilik: Premium Tower Room – RM200
- Bilik: Premium Water Chalet – RM300

*Tertakluk kepada terma dan syarat

